


SEJARAH RUMAH TETAMU KANGAR

Oleh: RAMLI ISMAIL



Encik Hassan Othman

Rumah tetamu

Rumah Tetamu Kangar adalah salah sebuah rumah yang tertua di Negeri Perlis Indera Kayangan. Dengan usianya yang begitu lama, sudah pasti ia menyimpan berbagai sejarahnya yang tersendiri untuk dikenangi oleh generasi masa kini.

PEMERINTAH

Dalam penyelidikan yang dijalankan, didapati bangunan tersebut dibina dalam masa pemerintahan Kerajaan Siam di Negeri Kedah yang termasuk bersama Negeri Perlis antara tahun 1821 hingga tahun 1842.

Tahun 1821 adalah merupakan tarikh kerajaan Siam melanggar dan menawan Negeri Kedah (termasuk bersama Perlis) sementara tahun 1842 adalah merupakan tarikh kerajaan Siam menyerahkan Perlis kepada kerajaan Kedah.

Menurut seorang tua, Encik Hassan Othman, 81, dari Jalan Bintong dekat Kangar, rumah tersebut dibina oleh seorang "orang kanan" Almarhum Raja Syed Saffi bernama Syed Salim berasal dari Kedah. Beliau mendapat khidmat nasihat daripada arkitek di Bangkok untuk membina rumah itu.

Bapa Encik Hassan, Penghulu Othman Hussain terlibat secara langsung mengambil segala bahan bangunan itu di Pulau Pinang yang dibawa dengan tongkang melalui Kuala Perlis, masuk ke Sungai Perlis melalui tebing tinggi dan terus ke Pangkalan Asam. Bahan-bahan tersebut termasuk kayu dan besi-besi sementara pembinaan bangunan adalah menggunakan manisan, kapur dan telur putih bagi menggantikan simen untuk digaul bersama pasir. Tok Penghulu Osman ketika itu adalah "orang harapan" kepada Syed Salim.

Raja Almarhum Syed Alwi, anak kepada Syed Saffi dikahwinkan dengan anak Syed Salim, bernama Sharifah Chut. Tetapi mereka tidak mempunyai cahayamata. Apabila berkahwin, rumah tersebut diberi kepada Raja Syed Alwi, sebelum baginda menjadi Raja.

Setelah Syed Saffi mangkat, Syed Alwi ditabal menjadi Raja. Baginda kemudian berpindah ke Arau dan mula mendirikan istana di Arau yang terdapat hingga sekarang.

Sementara itu, Perlis ketika itu telah berhutang dengan kerajaan Siam. Kerajaan Negeri-negeri Selat British kemudian bersetuju untuk menjelaskan semua hutang tersebut. Setelah hutang dijelaskan, Perlis tidaklah lagi tertakluk kepada kuasa pemerintahan Raja Siam.

Berikutan dari itu, Almarhum Syed Saffi mengundang seorang pegawai British untuk menjadi penasihat dan membantunya dalam menguruskan cara pentadbiran negeri. Seorang Penasihat British bernama Mr. Frost kemudian dihantar untuk menjadi Penasihat kepada Almarhum Raja Syed Alwi itu.

Disebabkan tidak ada rumah kediaman penasihat British ketika itu, Raja Syed Alwi berkenan memberikan Rumah Tetamu menjadi Kediaman British tersebut. Sejak masa itu, pemerintahan Negeri Perlis menjadi teratur di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipanggil "State Council". Majlis tersebut dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi dan dianggotai oleh kerabat dan pembesar negeri termasuk Penasihat British.

Pada tahun 1941, Jepun menyerang Tanah Melayu termasuk Perlis. Rumah Tetamu dijadikan tempat tinggal seorang pemerintah Jepun yang dipanggil "Kawahara". Dua tahun pemerintah Jepun menggunakan rumah itu, kemudian, pada tahun 1943, Rumah Tetamu diserahkan pula kepada pemerintah Siam. Siam menduduki rumah itu hingga tahun 1945.

Menurut Encik Hassan, semasa pemerintah Siam menggunakan Rumah Tetamu itu, ia menempatkan juga pegawai-pegawai tentera dan polis untuk mengawal keselamatan persekitaran.

Pada tahun 1945, British kembali memerintah di bawah pentadbiran Tentera British atau lebih dikenali dengan panggilan B.M.A. dengan menempatkan seorang penasihat bernama Mr. Day.

Allahyarham Raja Haji Ahmad Raja Endut yang dilantik oleh B.M.A. menjadi Menteri Besar Perlis yang pertama awal tahun lima puluhan menjadikan rumah itu Kediaman Menteri Besar. Selepas itu, seorang lagi Menteri Besar yang dilantik, Allahyarham Datuk Laksamana Haji Mohd. Ghazali bin Haji Mohd. Wasi tinggal di rumah tersebut.

Peranan Rumah Tetamu sebagai Kediaman Menteri Besar berterusan apabila Allahyarham Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim dipilih menjadi Menteri Besar. Allahyarham Datuk Haji Jaafar Hassan yang menjadi Menteri Besar kemudiannya, tinggal beberapa ketika di rumah itu, tetapi kemudian menetap di rumahnya sendiri di Pangkalan Asam, Kangar, pada awal tahun tujuh puluhan.

Sejak tarikh itulah peranan Rumah Tetamu bertukar daripada Kediaman Menteri Besar menjadi Rumah Tetamu, semasa Datuk Haji Ali Ahmad menjadi Menteri Besar. Rumah Tetamu digunakan sebagai tempat penginapan orang-orang kenamaan yang melawat ke Negeri Perlis.

Bagaimanapun, selepas itu kerajaan negeri memutuskan bangunan Rumah Tetamu perlu dirobohkan kerana dikatakan ia tidak selamat pada segi ketahanannya. Kerja-kerja merobohkannya bermula awal tahun 1991, dan pada akhir tahun 1991 kerja-kerja pembinaan semula di atas yang sama dimulakan.

Kerajaan Negeri bersetuju supaya bangunan gantian tersebut dibina menyerupai bangunan Rumah Tetamu yang asal dengan fungsinya menjadi bangunan Muzium Negeri.

